

Sekolah antarabangsa jadi pilihan

Sistem pendidikan perlu diperkasa

Utamakan pembelajaran kondusif tarik pelajar ke sekolah kebangsaan

Oleh Amin Ridzuan Ishak
aminridzuan@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan perlu memperkaskan sistem pendidikan negara bagi menarik rakyat memilih sekolah menggunakan kurikulum kebangsaan berbanding sekolah antarabangsa.

Antara aspek perlu diperkaskan adalah persekitaran pembelajaran kondusif kepada murid berbanding keadaan masa kini yang disifatkan tidak bersesuaian sehingga memberi kesan kepada prestasi pembelajaran.

Aspek disifatkan tidak kondusif itu termasuk jumlah murid terlalu ramai dalam satu kelas atau sehingga 45 orang, berbanding ha-

nya antara 15 hingga 20 murid dalam satu kelas di sekolah antarabangsa.

Jumlah yang terlalu ramai dalam satu kelas menyebabkan guru tidak dapat memberi tumpuan sepenuhnya kepada setiap murid, sekali gus memberi kesan kepada prestasi dan akibatnya ibu bapa terutama yang berkemampuan lebih memilih sekolah antarabangsa untuk anak mereka.

Syor berkenaan dikemukakan Pensyarah Jabatan Pendidikan dan Kesejahteraan Komuniti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Anuar Ahmad yang turut menggesa Kementerian Pendidikan menyelesaikan segera isu berbangkit di sekolah menggunakan kurikulum kebangsaan.

Katanya, suasana kondusif antara aspek sering menjadi pertimbangan ibu bapa daripada keluarga berkemampuan yang memilih menghantar anak ke sekolah antarabangsa kerana ia diakui lebih baik berbanding sekolah biasa.

"Apakah kita mahu melihat ada dasar orang berkemampuan hantar anak ke sekolah antarabangsa,

orang kurang berkemampuan hantar anak ke sekolah biasa di negara kita? Sepatutnya semua ke sekolah yang sama.

"Isunya, Kementerian Pendidikan perlu menyediakan pendidikan berkualiti, lebih-lebih lagi Malaysia menuju matlamat menjadi negara maju. Kena ada dasar jelas dan cari punca mengapa murid lari daripada sistem pendidikan kebangsaan.

"Harus diingat murid sekolah antarabangsa juga mungkin bakal menjadi pegawai dan pembuat dasar, tetapi bagaimana mahu membuat dasar jika mereka tidak melaluinya ketika di sekolah?"

"Kementerian Pendidikan harus memperkasakan segera sistem pendidikan supaya semua ibu bapa dan penjaga memilih sekolah yang menggunakan kurikulum kebangsaan," katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Isnin lalu, *BH* mendedahkan jumlah murid tempatan, khususnya golongan menengah atas yang 'meninggalkan' kurikulum pendidikan kebangsaan dengan memilih sekolah antarabangsa, meningkat setiap tahun sehingga me-



Keratan akhbar *BH* kelmarin.

langkah jumlah murid asing yang ke sekolah antarabangsa di negara ini.

Tokoh dan pakar pendidikan menzahirkan kebimbangan dengan situasi itu yang boleh menjejaskan jati diri dan pembinaan negara bangsa kerana murid tempatan di sekolah antarabangsa dibentuk dengan kurikulum luar, berbanding kurikulum kebangsaan yang menyemai aspirasi nasional.

Anuar berkata, aspek lain perlu dipertingkatkan adalah kualiti

pembelajaran bahasa Inggeris di sekolah kurikulum kebangsaan bagi memberikan keyakinan kepada ibu bapa untuk menghantar anak mereka ke sekolah berkenaan.

"Memperkasakan bukan bermaksud tidak mengutamakan bahasa Melayu. Isu sebelum ini adalah bahasa Inggeris digabungkan dengan mata pelajaran lain seperti Sains dan Matematik sehingga mewujudkan perdebatan. Kita kena perkasakan bahasa Inggeris dalam konteks bahasa itu sendiri," katanya.